



Tidak hairanlah kini wujudnya kediaman yang mempunyai taman tergantung lengkap dengan set kerusi dan meja santai, pepohon hijau menyegarkan serta elemen air berpancuran yang menghiburkan halwa telinga.

Biasanya binaan taman tergantung ala semula jadi banyak kelihatan di kawasan kediaman banglo dan teres kerana mempunyai ruang balkoni yang luas.

Bagi penghuni pangsapuri, pangsapuri dan kondominium, apa yang terpapar di depan mereka hanyalah ruang luaran yang terhad sama ada kawasan jemuran pakaian ataupun balkoni yang tak seberapa luasnya.

Konsep taman di balkoni perlu mengambil kira kaedah memaksimumkan ruang yang terhad, mewujudkan persekitaran nyaman, selesa dan praktikal bagi mengimbangi keindahan serta keselesaan anda.

Membina taman di balkoni perlu bersifat fleksibel supaya dapat disesuaikan walaupun ruangannya kecil dan terhad.

Keinginan mewujudkan kediaman indah dari pelbagai segi turut meletakkan balkoni sebagai ruang luar

yang perlu diserikan elemen ala semula jadi yang menarik.

Menurut Pensyarah Jabatan Seni Bina Landskap, Universiti Putra Malaysia (UPM), Shureen Faris Abdul Shukur, keluasan balkoni yang terhad membuatkan ramai yang buntu untuk melakukan sesuatu di ruang berkenaan.

"Binaan landskap menarik juga boleh diwujudkan pada ruang balkoni. Bagaimanapun perlu diseimbangkan dengan landskap lembut dan kejur serta elemen penting yang lain.

"Paling utama anda perlu mengetahui tanaman yang sesuai untuk ruang berkenaan kerana hanya tanaman yang boleh hidup di bawah teduhan dan tidak memerlukan banyak cahaya matahari saja yang sesuai," katanya.

Tidak ketinggalan sistem pengairan dan tekstur dinding balkoni yang boleh dimanfaatkan mampu menyerlah ruang berkenaan sebagai lokasi yang mendamaikan.

Perlu diingat, pilihan pasu sesuai perlu digunakan dan anda seharusnya membuat keputusan tepat lebih-lebih lagi penggunaan pasu gantung sebagai pelengkap landskap balkoni.

Aspek keselamatan dan kesan

sampingan penggunaan pasu berkenaan adakalanya kurang dititikberatkan hingga mengganggu proses mewujudkan taman mempesonakan.

Shureen Faris juga memberikan beberapa panduan kepada anda yang berhasrat mewujudkan ruang santai di balkoni.

Ia perlu bersifat pelbagai guna khususnya set mini kerusi dan meja santai serta kemas lantai yang boleh diserikan dengan pilihan batu refleksiologi atau jubin yang menarik.

Penyediaan tempat duduk di ruang taman yang sempit memerlukan perancangan teliti, paling ideal untuk duduk berdua, namun ia masih boleh dirancang untuk menampung empat orang pada suatu masa.

Bagaimanapun, bagi anda yang masih kurang yakin untuk mewujudkan suasana menarik di balkoni, menggunakan khidmat pakar landskap profesional antara langkah terbaik.

Sekurang-kurangnya langkah itu mampu merealisasikan impian anda dan suasana kediaman tampil berbeza daripada biasa yang berkesudahan menjadi tempat menyimpan barang yang tidak dipakai.

## Pemilihan **Elemen Penghias** **BALKONI** Penting

**KEHADIRAN** taman peribadi di kediaman secara langsung mencetuskan inspirasi keindahan dan menyejukkan mata sesiapa saja khususnya keluarga serta tetamu.

